

# Hubungan baik tanpa Pairin: PM

BH - 2 FEB 1994

Oleh Manja Ismail dan Agoes Kholil @.

KOTA KINABALU, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan hubungan Parti Bersatu Sabah (PBS) dengan Barisan Nasional (BN) mungkin lebih baik jika ia tidak lagi dipimpin oleh Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak mustahil kerana BN tidak memusuhi rakyat Sabah, sebaliknya kepemimpinan negeri dan kerana parti itu berada di tangan orang yang tidak layak.

"Saya tidak bermusuhan dengan orang Kadazan atau rakyat Sabah. Yang jadi masalah ialah kepemimpinan yang berada pada orang yang tak layak jadi pemimpin.

"Seseorang yang didapati bersalah kerana ra-

suah, sama ada nak jadi Ketua Menteri bukan soalnya, tetapi dia tak boleh memimpin. Apabila kita sudah didapati bersalah, saya tak nampak macam mana kita boleh jadi pemimpin.

"Pairin sepatutnya meminta maaf kepada rakyat Sabah dan berhenti daripada politik," katanya dalam sidang akhbar di akhir lawatan dua harinya ke Sabah, hari ini.

Pairin yang juga Ketua Menteri Sabah didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi pada 17 Januari kerana menyalahgunakan kuasanya dengan memberi kontrak membina rumah kedai di Tambunan kepada syarikat milik iparnya.

Beliau didenda RM1,800, kurang daripada

jumlah RM2000 yang boleh menggugurkan ke-layakannya bertanding sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan Ahli Parlimen.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, keadaan adalah berbeza dengan adik Pairin, Datuk Dr Jeffrey Kitingan, sekarang.

Menurutnya, Pengarah Yayasan Sabah itu sudah dapat memahami pendirian Kerajaan Pusat berhubung Sabah dan Malaysia.

"Dia lebih faham sekarang. Kalau dulu dia nampak Kerajaan Pusat dari jauh dan kata salah, tetapi sekarang dapat melihat lebih dekat. Sangat dekat," katanya.

Ketika dibebaskan dari perintah tahanan rumah

di Seremban pada 20 Januari lalu, Dr Jeffrey berkata, beliau ada formula untuk memulihkan hubungan kerajaan negeri dengan Pusat dan akan membantu ke arah itu.

Ditanya sama ada BN sedia menerima Dr Jeffrey, Perdana Menteri berkata perkara itu tidak mustahil jika beliau patuh kepada prinsip BN.

"Kalau dia menerima prinsip BN, kenapa tidak (boleh diterima). Ini bukan soal personaliti, tetapi soal pendirian," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau bukan saja tidak bermusuhan dengan Dr Jeffrey, malah bersedia menemui Pengarah Yayasan Sabah itu bagi mengetahui pendiriannya sekarang.